



RANGKA tulang paus sei yang dipamerkan di Pavilion Megafauna sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2024) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MEPS), Serdang. - UTUSAN/AMIR KHALID

# Replika rangka paus curi tumpuan

UM 17/9/2024 Pg 8

Oleh ARIF AIMAN ASROL

aiman.asrol@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Rangka ikan paus sei (balanoptera borealis) sepanjang 18 meter yang dipamerkan kepada pengunjung sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di sini mencuri tumpuan para pengunjung.

Pembantu penyelidik di Institut Penyelidikan Perikanan Rantau Abang, Muhamiz Hamid berkata, pameran itu bertujuan memberi pengetahuan kepada pengunjung terhadap haiwan mamalia di perairan Malaysia.

"Apa yang kami pamerkan di sini terbahagi kepada dua iaitu diorama penyu dan penyu hidup serta megafauna yang



kami bawa dua spesies marin iaitu tulang paus sei dan tulang ikan lumba-lumba.

"Kami dapat ramai yang tidak tahu paus itu ada di dalam perairan Malaysia," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Laman Perikanan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini, semalam.

Menurutnya, terdapat lima langkah untuk memproses repositori kerangka paus tersebut iaitu bedah siasat, penanaman

tulang, pembersihan tulang prebusan tulang serta pengirangan dan pencatuman.

MAHA 2024 yang dianjurkan buat kali ke-100 bertemakan Menuai Harapan, Membina Masa Hadapan merupakan pameran pertanian utama dan terbesar di Asia Tenggara yang menyediakan lebih 2,000 ruang jualan dibuka mulai pukul 10 pagi hingga 10 malam sehingga 21 September ini.

Dalam pada itu, Muhamiz berkata, pihaknya juga menyediakan pelbagai aktiviti menarik serta hadiah kepada pengunjung yang melawat reruai termasuk hadiah untuk kanak-kanak yang menyertai aktiviti kami sediakan seperti mewarna.